

Headline	TaHa@U KIST beramal di Marang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	V15	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	557 cm ²
Journalist	Oleh Aslina Abu Bakar blvivunkWrbh torn my	AdValue	RM 18,858
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,573



Ahli TaHa@U KIST beramal di Marang

Oleh Aslina Abu Bakar
bhariankt@bh.com.my

► Marang

Sepanjang Ramadan lalu, Kelab TaHa@U menganjurkan program Senyuman Ramadan di Kampung Bukit Payong, di sini, dengan bergotong-royong memasak 500 bungkus bubur lambuk untuk diagihkan kepada orang ramai.

Program anjuran BH dan Tabung Haji (TH) itu yang membabitkan 40 ahli TaHa@U Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST) turut disertai 15 kakitangan TH negeri dan 20 penduduk kampung terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Bukit Payong.

Pengarah TH negeri, Mohammad Mokhzani Mukhtar, berkata program kali pertama itu bertujuan menggalakkan penuntut institusi pengajian tinggi awam dan swasta menyertai program TH serta BH bersama dengan komuniti.

“Melalui program itu mereka didedahkan dengan aktiviti baru. Selain dapat mengenali budaya tempatan masyarakat negeri ini, mereka juga boleh mempelajari cara memasak bubur lambuk tradisional, selain mengeratkan hubungan dengan penduduk kampung,” katanya.

Selain aktiviti pada Ramadan, Kelab TaHa@U juga akan menganjurkan beberapa program pada Aidiladha membabitkan ahli TaHa@U sebagai sukarelawan mem-

Headline	TaHa@U KIST beramal di Marang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	V15	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	557 cm ²
Journalist	Oleh Aslina Abu Bakar blvivunkWrbh torn my	AdValue	RM 18,858
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,573

bantu jemaah haji yang bakal berangkat ke Makkah tidak lama lagi.

Erat hubungan

Antara peserta, Noor Syairah Zamri, 18, dari Muadzam Shah, Pahang berkata, program itu dapat mengeratkan silaturahmi antara pelajar KIST dan penduduk kampung melalui aktiviti yang dianjurkan.

“Program ini ialah aktiviti kemasyarakatan pertama saya sepanjang Ramadan ini dan saya sangat teruja apabila dapat mempelajari masakan bubur lambuk dari negeri Terengganu.

“Selain memasak, saya juga berpeluang mengagihkan juadah istimewa Ramadan ini kepada orang ramai yang datang ke masjid ini,” katanya.


Penuntut Diagnostik Radiografi KIST, Mohd Nor Sharkawi Ramli, 18, dari Klebang Kecil, Melaka menganggap aktiviti kemasyarakatan itu sangat bermakna buatnya.

“Walaupun sumbangan saya tidaklah besar, saya tetap seronok kerana dapat membantu penduduk kampung memasak bubur lambuk ini,” katanya.

Headline	TaHa@U KIST beramal di Marang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	V15	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	557 cm ²
Journalist	Oleh Aslina Abu Bakar blvivunkWrbh torn my	AdValue	RM 18,858
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,573



Sebahagian daripada ahli Kelab TaHa @ U KIST menyediakan bahan untuk membuat bubur lambuk.



Mohammad Mokhzani (tiga dari kanan) bersama dengan sebahagian daripada ahli Kelab TaHa @ U KIST mengacau bubur lambuk dalam Program Senyuman Ramadan, di Masjid Bukit Payong, Marang.